

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.10.2024 MASA: 05.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEMPEN HENTIKAN
PLASTIK SEKALI GUNA (*BRING YOUR OWN
CONTAINER*)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**26 OKTOBER 2024 (SABTU)
10.35 PAGI**

**888 FAMILY FOOD COURT
BUKIT TENGAH
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee

Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara

Yang Berhormat Tuan Gooi-Hsiao Leung

ADUN Bukit Tengah

Yang Dihormati Puan Rachel Teh Chuann Yien

Pengerusi Pasukan Kerja Mesra Alam 21,

Bagi Pelaksanaan Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna

Yang Dihormati Barisan Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Lim Eng Wah

Pengurus 888 Family Food Court, Bukit Tengah

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, maka pada hari ini kita dapat menganjurkan **Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna (*Bring Your Own Container*)** di 888 Family Food Court Bukit Tengah.
2. Terlebih dahulu, saya mewakili MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee, selaku Pengurus Pertubuhan Wanita Mutiara dan Yang Berhormat Tuan Gooi Hsiao Leung, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Tengah ke Majlis ini.
3. Pencemaran plastik adalah masalah global yang perlu ditangani dengan cara yang mampan. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah-langkah awal untuk mengawal dan mengurangkan pencemaran plastik. Sejak tahun 2019 lagi, MBSP telah melancarkan kempen hentikan penggunaan plastik sekali guna seperti bag plastik, straw minuman dan bekas makanan di premis-premis makanan di seluruh Seberang Perai. Inisiatif ini bertujuan

mengurangkan sisa buangan plastik yang merupakan salah satu punca berlakunya pencemaran alam sekitar.

4. Di Seberang Perai, hampir keseluruhan restoran dan premis makanan yang menyediakan perkhidmatan (bawa pulang), menggunakan plastik sekali guna seperti pembungkus makanan dan minuman, sudu dan garfu, cawan dan straw minuman yang direka untuk dibuang selepas digunakan. Penggunaan plastik sekali guna ini menjadi pilihan kepada penjual makanan kerana kosnya yang murah.
5. Plastik mengambil masa 400 sehingga 1,000 tahun untuk diuraikan secara semulajadi. Natijahnya, plastik-plastik ini menjana lebih banyak sisa timbunan sampah di tempat pembuangan sampah atau hanyut ke lautan dan memberi impak yang negatif terhadap alam sekitar.
6. Menyedari hakikat bahawa alam sekitar ini adalah sebenarnya suatu yang dikongsi bersama, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP meletakkan tanggungjawab bersama dengan semua lapisan masyarakat dalam menangani penggunaan plastik.
7. Sebagai permulaan, Hari Tanpa Beg Plastik di premis-premis perniagaan telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2009. Ini diikuti oleh Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna (*No To Single-Use Plastic*) mulai 1 Januari 2019 dan kempen tiada straw plastik di semua premis makanan mulai 1 April 2019, di mana pengusaha tidak boleh memberikan straw plastik kepada

pelanggan. Tahun ini pula, Dasar Pengasingan Sisa di Punca mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2024, dengan penguatkuasaan di semua kawasan Seberang Perai.

8. Antara cabaran yang dihadapi adalah mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang penggunaan plastik sekali guna ini. Justeru, tumpuan diberikan dalam mendidik orang ramai agar tidak menggunakan straw plastik dan plastik sekali guna dan penguatkuasaan larangan penggunaan straw plastik. Ini adalah untuk mengubah *mind set* serta mendidik diri untuk tidak mencemari alam sekitar.
9. Saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru agar semua hadirin sekalian mengambil inisiatif untuk mula memainkan tanggungjawab masing-masing dan lebih komited dalam menjaga dan memelihara alam sekitar di Negeri Pulau Pinang, khususnya Seberang Perai. Mulakan dari amalan kita sendiri. Antara usaha yang boleh diambil bagi menangani masalah pencemaran plastik sekali guna adalah mengurangkan atau menghentikan penggunaan botol plastik sekali guna, pembungkus makanan plastik / beg plastik dan straw plastik dan menggantikan dengan produk serta bahan yang lebih mesra alam. Selain itu, cuba kurangkan penjanaan sampah masing-masing, guna semula atau kitar semula sebanyak yang mungkin dan jaga kebersihan dan persekitaran kita.

10. Dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang yang secara tidak langsung merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat.
11. Tahun ini tumpuan diberikan dalam mendidik orang ramai agar tidak menggunakan straw plastik dan plastik sekali guna di kompleks-kompleks makanan swasta dan kompleks-kompleks makanan MBSP.
12. MBSP telah memulakan program kesedaran penggunaan plastik sekali guna pada 07 Ogos 2024. Ini merupakan projek perintis pasukan kerja LA21 Mesra Alam yang dipengerusikan oleh Puan Teh Chuann Yien dengan kerjasama Pertubuhan Wanita Mutiara dan pihak pengurusan Kompleks Makanan 888 Family Food Court.
13. Hari ini, Pertubuhan Wanita Mutiara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee, mengadakan kempen membawa Tiffin untuk pembelian di gerai makanan. Pertubuhan

Wanita Mutiara akan membekalkan sebanyak 200 bekas makanan (mangkuk tingkat) untuk diberikan kepada peniaga medan selera dan pengunjung yang membawa barang kitar semula pada hari ini.

14. Pameran dan jualan barang *upcycle* dan aktiviti interaktif pengasingan sisa di punca turut diadakan dalam memberi pendedahan tentang alam sekitar dan menarik minat pengunjung untuk menjayakan program ini.
15. Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan **Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna (No Single Use Plastic)**
Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee, yang sudi merasmikan pelancaran Majlis ini, serta Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***